

**JABATAN PERBENDAHARAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PEMBERITAHUAN SEBUTHARGA

Bilangan Tawaran	:	JPKK/JKSH2627-QTN.04/ADM
Tajuk Tawaran	:	MEMBEKALKAN BUKU KUPON HOSPITAL DAN BUKU RESIT KOMPAUN POLIS BAGI JABATAN PERBENDAHARAAN, KEMENTERIAN KEWANGAN
Tarikh Tutup / Jam	:	22HB OGOS 2026 – Hari Sabtu (9.00 Pagi)
Tempat Menghantar Tawaran	:	Peti Sebutharga, Jabatan Perbendaharaan Tingkat 2, Tower Block Bangunan Kementerian Kewangan Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

SYARAT – SYARAT PENYERTAAN:

1. Pemohon adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon hendaklah menggunakan **borang asal** yang dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam dan boleh diperolehi di **Kaunter Penyambut Tetamu, Tower Block, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Kewangan** pada **jam 08:30 pagi – 11:30 pagi** dan **01:30 petang – 03:30 petang (waktu hari bekerja)**.
3. Borang tawaran berjumlah **BND\$5.00** hendaklah dibayar di **Kaunter Hasil, Tingkat 2, Jabatan Perbendaharaan, Island Block, Bangunan Kementerian Kewangan** dan resit asal pembayaran hendaklah disertakan bersama borang tawaran.
4. Borang Pengakuan Penender hendaklah **diisikan dengan lengkap** dengan menyatakan bahawa syarikat yang ikut serta tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga dalam syarikat-syarikat lain yang menyertai tawaran sama dan menyenaraikan nama-nama pekerja tempatan yang berkerja di Syarikat yang mengikuti tawaran.
5. Borang tawaran hendaklah **disertakan** salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 yang masih sah yang menyenaraikan butir-butir perniagaan seperti nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, nombor kad pengenalan atau paspot pemilik.

PERINGATAN – Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran atau kontrak diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garispandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

**JABATAN PERBENDAHARAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PEMBERITAHUAN SEBUTHARGA

6. Setiap satu borang tawaran yang lengkap diisi dan disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat yang tertutup rapi dan menulis dengan jelas dengan menyatakan **Tajuk & Bilangan Tawaran dan tarikh tutup tawaran** tanpa membubuhkan sebarang pengenalan atau identiti syarikat/pemborong.
7. Borang tawaran hendaklah **dikembalikan dan dimasukkan** ke dalam PETI TAWARAN SEBUTHARGA, JABATAN PERBENDAHARAAN yang ditujukan kepada:-

**PENGERUSI
JAWATANKUASA SEBUTHARGA, JABATAN PERBENDAHARAAN
TINGKAT 2, TOWER BLOCK
BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN
COMMONWEALTH DRIVE, JALAN KEBANGSAAN, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

8. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan **tidak akan dilayan**.

PERINGATAN – Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran atau kontrak diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garispandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.